KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22.08.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JMG			

BH2408

16

Penduduk gesa roboh segera kolam di puncak Gunung Inas

Baling: Lebih 1,000 penduduk Kampung Iboi, Kupang, dekat sini yang mendiami kawasan sekitar kaki Gunung Inas menggesa supaya kolam dan tandak yang dibina syarikat ladang durian Musang King diroboh dan dimusnahkan segera.

Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan Komuniti Kampung (JPKK) Iboi, Nor Mohamad Che Hussin, berkata tidak ada bukti jelas menunjukkan kolam dan tandak air yang dibina itu tidak akan mendatangkan bahaya kepada penduduk dalam tempoh jangka panjang.

Katanya, mereka sendiri naik ke Gunung Inas bagi melihat kedudukan kolam serta tandak air berkenaan dan mendapati keadaannya tidak lagi kukuh akibat tidak diselenggara berikutan semua pekerja ladang durian sudah melarikan diri selepas kejadian pada 4 Julai lalu.

Sukar tidur lena

"Kolam dan tandak air di ladang durian Musang King masih ada di puncak Gunung Inas, bagaimana kami hendak tidur lena jika penduduk masih terbayang apa akan terjadi jika kolam dan tandak itu pecah serentak ketika cuaca hujan.

"Jika kolam dan tandak itu benar-benar kukuh, mengapa ada tandak yang boleh pecah pada 4 Julai lalu? Kita sendiri tidak tahu berapa jumlah sebenar kolam dan tandak air yang ada di sekitar Gunung Inas, yang kita nampak cuma tiga kolam dan beberapa tandak.

"Ketika ini, cuaca boleh dikatakan hujan setiap hari. Setiap kali kami lihat aliran Sungai Kupang jadi laju, kami sudah pegang beg plastik untuk melarikan diri ke masjid. Sebab itu kami harap ada tindakan tegas," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim memaklumkan, tiga kolam takungan air bersaiz gelanggang futsal di puncak Gunung Inas akan dimusnahkan dalam tempoh terdekat berikutan ia didapati boleh menyebabkan bahaya kepada penduduk.

Malah, perkara itu sudah dirujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang berjanji akan menyelesaikan masalah berkenaan segera.

Semalam, Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, kolam terbabit didapati bukan menjadi punca kepada kejadian banjir lumpur dan aliran puing di Kampung Iboi berdasarkan laporan Pasukan Khas Siasatan Bencana Tragedi Baling.